

Kurikulum latihan perguruan di Sultan Idris Training College (SITC) sejak awal penubuhan sehingga perang dunia kedua 1922-1941

ABSTRAK

Artikel ini membincangkan mengenai kurikulum yang disediakan oleh Sultan Idris Training College (SITC) kepada guru-guru pelatihnya sejak awal penubuhannya pada tahun 1922 hingga tercetusnya Perang Dunia Kedua. Selain itu, artikel ini juga membincangkan mengenai kesan kurikulum tersebut terhadap guru-guru pelatih lepasan SITC. Objektif penulisan ini ialah meneliti kurikulum dan mata-mata pelajaran yang diajarkan kepada guru pelatih dalam usaha memberi ilmu perguruan khususnya kepada masyarakat Melayu. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu berdasarkan sumber kepustakaan dengan menumpukan kepada Annual Report dan Memorandum yang berkaitan dengan SITC sebagai sumber primer. Hasil kajian ini mendapati bahawa kurikulum yang diajarkan kepada guru-guru pelatih di SITC adalah bersifat memberi kesinambungan tentang asas kehidupan di kampung yang lebih baik. Namun, ia diimbangi juga dengan kurikulum-kurikulum yang bersifat akademik dalam bilik darjah sebagai persediaan menjadi seorang guru kelak. Di samping itu, kajian juga mendapati kurikulum di SITC telah memberi kesan yang signifikan kepada guru-guru pelatih dan ia telah jauh melangkaui apa yang dirancang oleh penajaah British.